

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 31.10.2016

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada apa yang diumumkan baru-baru ini mengenai Sekolah Sains di Keningau dan SMK Wawasan Desa untuk Tambunan dimuatkan dalam Bajet 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan Sekolah Menengah Sains Keningau, Sabah, telah diluluskan melalui *Rolling Plan* 1 Tahun 2016 dalam RMKe-11. Status terkini pembinaan sekolah tersebut masih dalam proses reka bentuk dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Bagi SMK Desa Wawasan, Tambunan pula, KPM telah merancang pembinaan bagi sekolah tersebut dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.